



API TURUT 'DITENTANG': Dua pesilat seni silat gayung menunjukkan keberanian menempuh gelang berapi.

Rai ulang tahun dengan pertunjukan adu senjata

27 JAN 1992

"KALAU kita takutkan senjata, senjata akan makan kita."

Inilah yang menjadi pegangan Kumpulan Seni Silat Gayung Pasak, kata Encik Hussein Kaslan, guru tertinggi kumpulan tersebut.

Lantaran itu, mereka tidak gentar menggunakan senjata seperti parang, keris, tombak dan tekpi.

Senjata-senjata itu adalah antara beberapa jenis senjata yang digunakan dalam pertunjukan menyambut ulang tahun ke-10 kumpulan seni silat gayung Balai Rakyat Bedok, kelmarin.

Encik Ramlee Haji Kasiran, 31 tahun, yang bertarung dengan Encik Zaharuddin Ismail, 28 tahun, dengan menggunakan parang dan tekpi berkata dalam per-

lawanan menggunakan senjata, apa yang penting ialah kepercayaan terhadap diri sendiri dan terhadap 'lawan'.

Satu lagi aksi menarik ialah perlawanan menggunakan buluh antara seorang pesilat wanita dengan tiga orang lelaki.

Cik Juminah Papok, 32 tahun, berkata walaupun setakat pertunjukan, beliau benar-benar berasa marah bertentangan dengan 'musuh-musuhnya'.

Oleh kerana itu, beliau sedikit pun tidak berasa gentar atau takut.

Selain daripada senjata, pertunjukan-pertunjukan lain yang menarik ialah pertunjukan memijak kaca dan memecah genting.

Salah seorang peserta yang memijak kaca ialah Cik

Intan Zarina Zainal, 19 tahun. Beliau dijangka mewakili Singapura dalam Silat Olahraga Sedunia di Thailand pada April ini.

Menurut Zarina yang tidak mengalami sebarang kesan luka di kedua-dua belah tapak kakinya, beliau tidak berasa sakit walaupun baru dua kali menyertai pertunjukan seperti itu.

Dalam pertunjukan di Balai Rakyat Bedok itu, kira-kira 40 anggota silat yang berusia antara empat dengan 35 tahun telah tampil menghiburkan para penonton.

Tetamu terhormat pada malam itu ialah Menteri Undang-Undang merangkap Ehwal Dalam Negeri, Profesor S. Jayakumar.